

02/10/1998

4 bahagian Umno diarah beri laporan

Rasid Rahaman; Jamaludin Husin

SHAH ALAM, Khamis - Empat Umno bahagian di Selangor diarah mengemukakan laporan berhubung dakwaan beberapa pemimpin bahagian berkenaan menerima peruntukan kewangan antara RM1 juta dan RM2 juta daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata laporan itu penting bagi membolehkan Umno Selangor menjalankan siasatan menyeluruh sebelum laporan lengkap dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT).

"Kita akan menghubungi empat Umno bahagian terbabit untuk menentukan kesahihan dakwaan itu.

"Kita akan meminta mereka mengemukakan laporan secepat mungkin untuk membantu siasatan," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Kongres Pertubuhan Jurureka Dalaman Asia Pasifik (APSDA) 1998, di sini hari ini.

Turut hadir Setiausaha Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Onn Ismail dan Ketua Penerangannya, Datuk Sharif Jajang.

Empat Umno bahagian terbabit, Sabak Bernam, Gombak, Ampang Jaya dan Kuala Langat, didakwa menerima peruntukan itu, manakala beberapa pemimpinnya menerima elaun antara RM1,000 dan RM5,000 sebulan.

Abu Hassan yang juga Menteri Besar Selangor berkata, keempat-empat Umno bahagian terbabit perlu mengemukakan laporan berkenaan kepada Umno Selangor secepat mungkin.

Isnin lalu, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, mendakwa Anwar cuba mempengaruhi beberapa Umno bahagian dengan memberi peruntukan kewangan antara RM1 juta dan RM2 juta bagi menjalankan kegiatan parti.

Sambil menyatakan 90 bahagian terbabit dalam kes itu, beliau juga mendakwa ada di kalangan pemimpin di peringkat bahagian terbabit dibayar elaun bulanan antara RM5,000 dan RM10,000.

Di ALOR STAR, Menteri Besar yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, yakin 15 Umno bahagian di negeri itu tidak terbabit menerima peruntukan berkenaan.

Menurutnya, mana-mana pemimpin Umno bahagian yang menerima peruntukan itu dan menjalankan kegiatan terbabit akan disisihkan oleh ahli parti kerana ahli Umno Kedah amat sayangkan parti.

"Mereka yang bercita-cita macam itu akan dibuang oleh Umno dan tidak mungkin seorang pemimpin Umno di Kedah ada keupayaan untuk menggerakkan tenaga menentang Dr Mahathir," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri yang juga Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, percaya tidak ada bahagian Umno di negeri ini yang terbabit menjalankan kegiatan menjatuhkan Dr Mahathir.

Beliau menganggap pendedahan Mohamed kurang jelas dan perkara seperti itu mungkin berlaku ketika Anwar masih menjadi Timbalan Presiden Umno.

"Sekarang Anwar tidak lagi Timbalan Presiden Umno, oleh itu tidak mungkin ada bahagian Umno yang sanggup diperalatkan untuk menjatuhkan Presiden parti.

"Setakat ini saya tidak tahu menahu mengenai dakwaan itu kecuali Mohamed dapat membuktikan Umno bahagian yang terbabit," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata Umno negeri masih samar-samar terhadap dakwaan itu.

Malah, Abdul Ghani kurang percaya dengan dakwaan itu kerana agak mustahil Umno bahagian boleh dipengaruhi individu yang hanya lebih

mementingkan diri daripada parti.

Beliau menegaskan bahawa Mohamed selaku ahli MT seharusnya membawa isu itu ke mesyuarat MT supaya dapat dibincangkan di peringkat atasan demi kebaikan parti.

"Kita tidak yakin berlakunya amalan yang mengaibkan itu sehingga ada pihak sanggup menjual diri semata-mata untuk merosakkan parti," katanya Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Abdul Ghani berkata, jika itu berlaku individu terbabit boleh dianggap sebagai ahli politik muflis dan seharusnya tidak boleh diterima sebagai pemimpin sama ada di peringkat bahagian dan cawangan.

"Bagaimanapun, jika Mohamed mempunyai maklumat tepat mengenai dakwaan itu, beliau seharusnya membawa isu itu ke mesyuarat MT supaya dapat dibincangkan dengan lebih mendalam," katanya.

(END)